



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
ISNIN 17 OKTOBER 2022**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2. 3. 4.	BINCANG ATASI MASALAH BEKALAN TELUR, LOKAL, HM -9 AMARAN MENTERI KEPADA PENGELUJAR TELUR, NEGERI, SH -32 'TINGKAT PENGELUARAN PASTIKAN TELUR CUKUP', NASIONAL, BH -14 SYARIKAT GERGASI 'SEDUT' SUBSIDI, MUKA DEPAN, UM 1 & 2	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)
5.	BUBU NAGA DIRAMPAS, 50KG HASIL LAUT DITEMUI DI PERAIRAN KERIAN, NEGERA, KOSMO -12	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
6.	'DUTA HIJAU' DI SEKOLAH PERAK MAMPU KONGSI MESEJ BERKAITAN ALAM SEKITAR, UTUSAN BORNEO SARAWAK -ONLINE	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
7.	BEKALAN IKAN KURANG SEHINGGA 50 PERATUS, LOKAL, HM -9	LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA (LKIM)
8.	LPP TERUS ATUR STRATEGI PEMBANGUNAN, NASIONAL, SH -5	LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG (LPP)
9. 10.	TEKNOLOGI PERTANIAN PINTAR JURUSAN TERKINI DI UPM, K2, KOSMO -29 PROJEK GEMPUR TANI KIKIS RASA MALU SISWA BERTANI, K2, KOSMO -30	LAIN-LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
17/10/2022	HARIAN METRO	LOKAL	9

Bincang atasi masalah bekalan telur

Kuala Terengganu: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) akan berbincang dengan pihak pembekal telur ayam di negara ini bagi menyelesaikan masalah bekalan bahan makanan itu yang disifatkan tidak stabil di pasaran.

Timbalan Menteriya Datuk Rosol Wahid berkata antara yang akan dibincangkan ialah alasan diberikan pihak pengeluar yang mendakwa

tempoh kawalan harga siling telur ayam terlalu lama menyebabkan terdapat pengusaha telur ayam menutup perniagaan mereka.

"Alasan yang diberikan oleh pemain industri, saya tidak tahu ia betul atau tidak, adalah kerana kawalan harga siling yang terlalu lama iaitu sepanjang tahun berbanding sebelum ini antara seminggu dan dua minggu khususnya pada musim perayaan.

"Mereka mendakwa ini menjejaskan rantaian bekalan telur ayam. Bagaimanapun, kerajaan juga mengambil langkah intervensi dengan menyalurkan subsidi telur ayam yang kini dinaikkan kepada lapan sen sebiji," katanya selepas merasmikan Program Kempen Beli Barangan Malaysia di sini.

Rosol berkata kementeriannya turut meminta Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (Mafi) me-

mastikan kelancaran tuntutan subsidi itu bagi memastikan ia tidak dijadikan alasan oleh pemain industri dan menjamin bekalan telur sentiasa stabil di pasaran.

"Sebelum ini pun kita ada bincang dengan Mafi untuk penyelesaian sementara, sama ada kita boleh import telur tetapi saya difahamkan harga telur di luar negara pun agak mahal dan mata wang kita juga agak lemah ketika ini," katanya.

Amaran menteri kepada pengeluar telur

Pastikan bekalan telur dipertingkatkan untuk pasaran dalam negara

KUALA LUMPUR

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi memberi amaran keras kepada semua pengeluar telur untuk memastikan pengeluaran bagi kegunaan domestik dipertingkatkan bagi memastikan keberadaan bekalan makanan itu dalam pasaran negara.

Ini kerana ketika turun padang melihat bekalan barangan di pasar raya Segi Fresh di Batu Caves di sini pada Ahad, beliau mengakui bekalan telur berkurangan dan perkara itu turut diakui pemilik pasar raya yang menyatakan bekalan komoditi itu sukar didapati disebabkan tindakan pengeluar mengeksport telur gred kawalan iaitu gred A, B dan C ke luar negara sekali gus menyebabkan bekalan telur domestik berkurangan.

"Kerajaan melalui Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) menjalankan tanggungjawabnya dalam menyediakan dan menaikkan subsidi kepada penternak daripada tiga sen sebiji kepada lapan sen sebiji disebabkan kos pengeluaran meningkat yang memberi kesan kepada pengeluaran telur gred A, B dan C.

"Subsidi yang diberikan kepada penternak ini juga adalah bertujuan memastikan harga kepada pengguna kekal pada harga siling yang ditetapkan kerajaan untuk telur gred



Alexander (kanan) meninjau bekalan telur yang dijual di pasar raya Segi Fresh Batu Caves pada Ahad

A, B dan C," katanya menerusi catatan di Facebook pada Ahad.

Beliau berkata, walaupun penerusan subsidi, urusan pengeluaran dan bekalan telur tertakluk di bawah bidang kuasa MAFI, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) akan sentiasa bekerjasama dengan MAFI dan agensi terlibat bagi memastikan kebijakan pengguna dijaga.

Alexander berkata, pengeluar hendaklah berintegriti dan menunaikan tanggungjawab mereka seperti yang dipersetujui dalam beberapa siri perbincangan selepas subsidi tambahan diberikan kepada mereka.

Mengenai bekalan barangan

menjelang sambutan Deepavali, beliau berkata, bekalan barangan seperti ayam, sayur, minyak dan sebagainya dilihat memuaskan dengan harga jualan mematuhi harga maksimum ditetapkan kerajaan.

Alexander berkata, senarai harga dan barangan di bawah Skim Harga Maksimum Musim Perayaan Deepavali serta tempoh kawalan akan diumumkan kelak.

"Harga ditetapkan adalah munasabah berdasarkan data pergerakan harga barang yang dikumpul secara berterusan oleh Bahagian Penguat Kuasa KPDNHEP dan Bahagian Harga Barang Negara berserta input daripada pemain industri dan agensi berkaitan," jelasnya. - Bernama

FOTO: FB ALEXANDER NANTA LINGGI



'Tingkatkan pengeluaran, pastikan telur cukup'

Menteri beri amaran kepada pengeluar tampung bekalan domestik

bagi kegunaan domestik dipertingkatkan. Ini bagi memastikan keberadaan bekalan makanan itu dalam pasaran negara.

Ketika turun padang melihat bekalan barangan di pasar raya Segi Fresh di Batu Caves di sini, semalam, beliau mengakui bekalan telur berkurangan dan perkara itu diakui pemilik pasar raya yang menyatakan bekalan sukar diperoleh.

Ia berikutan tindakan pengeluaran mengeksport telur gred kawa-lan iaitu gred A, B dan C, sekali gus menyebabkan bekalan telur domestik berkurangan.

"Kerajaan melalui Kemen-

terian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) menjalankan tanggungjawabnya dalam menyedia dan menaikkan subsidi kepada peternak dari tiga sen sebiji kepada lapan sen sebiji disebabkan kos pengeluaran meningkat, yang memberi kesan kepada pengeluaran telur gred A, B dan C.

Kekal pada harga siling

"Subsidi yang diberi kepada peternak bertujuan memastikan harga kepada pengguna kekal pada harga siling yang ditetapkan kerajaan untuk telur gred A, B dan C," katanya menerusi catatan di Facebook, semalam.

Walaupun penyaluran subsidi,

urusan pengeluaran dan bekalan telur tertakluk di bawah bidang kuasa MAFI, Alexander berkata, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) sentiasa bekerjasama dengan MAFI dan agensi terbit bagi memastikan kebajikan pengguna dijaga.

Katanya, pengeluaran perlu berintegriti dan menunaikan tanggungjawab seperti dipersetujui dalam beberapa siri perbincangan selepas subsidi tambahan diberi.

Mengenai bekalan barangan menjelang sambutan Deepavali, beliau berkata, bekalan barangan seperti ayam, sayur, minyak dan

sebagainya dilihat memuaskan dengan harga jualan mematuhi harga maksimum ditetapkan kerajaan.

"Senarai harga dan barangan di bawah Skim Harga Maksimum Musim Perayaan Deepavali serta tempoh kawalan akan diumumkan kelak.

"Harga ditetapkan adalah munasabah berdasarkan data pergerakan harga barang yang dikumpul secara berterusan oleh Bahagian Penguat Kuasa KPDNHEP dan Bahagian Harga Barang Negara, beserta input penggerak industri dan agensi berkaitan," katanya.

BERNAMA

Syarikat gergasi 'sedut' subsidi

Oleh FAHMI FAIZ
utusannews@mediamulla.com.my

PETALING JAYA: Beberapa syarikat gergasi ternakan ayam didakwa berkomploit 'menyembelih' penternak kontrak kecil-kecilan dengan mengaut hampir semua peruntukan subsidi yang disalurkan kerajaan kepada industri tersebut.

Dengan kadar subsidi 10 sen bagi seekor ayam untuk

Penternak kecil berisiko gulung tikar, dibayar 10 sen seekor ayam

kategori kontrak kecil-kecilan berbanding 70 hingga 80 sen seekor bagi kategori persendirian dan bersepadu (integra-

tor), penternak kecil menjangkakan mereka tidak akan mampu meneruskan operasi dalam industri berkenaan.

Sumber persatuan penternak dari dua negeri mendedahkan kepada *Utusan Malaysia*, satu kertas kerja yang didakwa cadangan penyaluran subsidi mengikut kategori persendirian, bersepadu dan kontrak menunjukkan elemen 'meragukan' apabila bayaran subsidi

kepada penternak ayam kontrak terlalu rendah berbanding untuk kategori persendirian dan integrator.

"Dalam kertas kerja itu, difahamkan bayaran subsidi untuk September kepada penternak persendirian berjumlah 80 sen bagi seekor ayam. Bayaran kepada penternak bersepadu pula, 70 sen.

Bersambung di muka 2

Syarikat gergasi 'sedut' subsidi

Dari muka 1

"Tapi yang peliknya, bayaran subsidi kepada kami penternak kontrak ini pula, cuma 10 sen. Apa sebab penternak persendirian dan integrator dapat sejumlah besar peruntukan, tapi kami yang penternak kontrak cuma dapat 10 sen," soal sumber itu di sini, semalam.

Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) dalam satu kenyataan 9 Oktober lalu menyebut, Jemaah Menteri pada 7 Oktober bersetuju supaya pemberian subsidi kepada penternak ayam dan pengeluar telur ayam diteruskan dari Oktober hingga Disember 2022 pada kadar RM0.80 sekilogram bagi ayam dan RM0.08 bagi sebiji telur.

Keputusan itu mengambil kira harga siling ayam standard di peringkat runcit dikekalkan pada kadar RM9.40/kg dan harga siling telur ayam gred A, B dan C di peringkat runcit dikekalkan masing-masing pada kadar 45 sen, 43 sen dan 41 sen sebiji di Semenanjung Malaysia.

Ia juga bagi meringankan beban penternak susulan peningkatan kos yang berterusan terutama makanan ayam yang meliputi 70 peratus kos pengeluaran selain anak ayam, logistik, pekerja, utiliti dan ubat-ubatan.

Sumber berkata, susulan itu pihaknya menerima satu kertas kerja yang didakwa memperincikan jumlah bayaran subsidi ayam kepada pemain industri.

Katanya, dalam kertas kerja itu menyebut bahawa subsidi yang akan disalurkan kepada penternak kontrak cuma 10 sen, yang mana satu jumlah yang



PENTERNAK kontrak kecil-kecilan mendakwa mereka mendapat subsidi 10 sen bagi seekor ayam. - UTUSAN/AMIR KHALID

'sangat tidak masuk akal'.

"Mengambil kira kos yang kami tanggung selaku penternak kontrak, macam mana kami boleh bertahan dengan jumlah sebegini? Sedangkan pemain-pemain gergasi sama ada dalam kalangan penternak persendirian serta integrator pula menerima 80 sen subsidi untuk sekilogram ayam.

"Mereka ini adalah syarikat besar yang stabil, ada kewangan yang kukuh, mereka juga yang membekalkan anak ayam sehari serta makanan ayam kepada

penternak kontrak. Sudahlah mereka ini gergasi, diberi pula subsidi yang besar, habis matilah penternak-penternak kecil kalau macam ini," kata sumber.

Katanya, kerajaan perlu telus dan jujur menyalurkan subsidi, agar tidak menindas kumpulan penternak kecil yang bergelut dengan kenaikan kos.

Utusan Malaysia sudah menghubungi MAFI dan Jabatan Perkhidmatan Veterinar bagi mendapatkan komen, dan masih menunggu maklum balas.

17/10/2022

KOSMO

NEGARA

12

Bubu naga dirampas, 50 kg hasil laut ditemui di perairan Kerian



PARIT BUNTAR - Sebanyak 90 set bubu naga bernilai RM6,300 dirampas Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) Zon Kuala Kurau kira-kira pukul 12.30 tengah hari kelmarin.

Pengarah Zon Maritim Kuala Kurau, Komander Maritim Mohd. Najhan Azman Hamid berkata, semasa rondaan rutin dilakukan anggotanya, sebuah bot telah dikesan dalam keadaan mencurigakan pada kedudukan batu nautika barat daya di muara Kuala Kurau di sini.

"Hasil pemeriksaan mendapati terdapat tiga kru warga tempatan termasuk tekong berumur antara 19 hingga 31 tahun berada di atas bot.

"Pemeriksaan lanjut mendapati lesen bot adalah sah, namun tidak diusahakan pemiliknya sendiri serta spesifikasi enjin tidak sama seperti yang didaftarkan," katanya dalam satu kenyataan semalam.

Dalam pada itu, menurut Mohd. Najhan, sebanyak 90 set bubu naga bersama 50 kilogram

(kg) hasil laut ditemui ketika pemeriksaan dilakukan ke atas bot tersebut.

"Kesemua kru, bot serta alat kelengkapan tangkapan ikan dan hasil laut telah ditahan dan dibawa balik ke jeti pengkalan Maritim Zon Kuala Kurau.

"Kes berkenaan disiasat di bawah Seksyen 8 (B) Akta Perikanan 1985 kerana melanggar syarat lesen dan Syeksen 11 (3)(B) akta yang sama kerana memiliki peralatan menangkap ikan tidak dilesenkan," jelasnya.

TIGA kru ditahan kerana melanggar syarat sah lesen dan tidak memiliki peralatan menangkap ikan sah di perairan Kerian, Parit Buntar, kelmarin.



17 OCT, 2022

'Duta hijau' di sekolah Perak mampu kongsi mesej berkaitan alam sekitar

Utusan Borneo Sarawak, Malaysia

Page 1 of 2

'Duta hijau' di sekolah Perak mampu kongsi mesej berkaitan alam sekitar

IPOH: Sebanyak 50 sekolah di Perak terpilih menyertai program Eco-Schools yang dilaksanakan Perbadanan Menteri Besar (MB Inc) Perak, dalam melahirkan 'duta hijau' yang akan berkongsi mesej alam sekitar selain menyemai rasa masyarakat yang bertanggungjawab untuk hidup secara mampan.

Ketua Pegawai Eksekutif MB Inc Anuar Zainal Abidin berkata, program itu diselenggarakan oleh Green Growth Asia Foundation (GGAF), dengan kerjasama Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) Perak sejak 2021 dan daripada jumlah itu, sembilan sekolah telah menerima pengungerahan Green Flag Award.

Ia melibatkan Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Dato Abdul Rahman Yaakub (Perak Tengah), SMK Raja Perempuan Kelsom (Kuala Kangsar), SMK Raja Perempuan Ipoh (Kinta Utara), SMK Changkat Beruas (Manjung), SMK Kampung Dato Seri Kamarudin (Manjung), Sekolah Kebangsaan (SK) Sultan Abdullah (Larut Matang dan Selama), SK Kuak Luar (Hulu Perak), SJKC Bukit Merah (Kinta Utara) dan SJKC Siputeh (Kinta Selatan).

"MB Inc telah memperuntukkan sebanyak RM1.2 juta bagi tujuan tanggungjawab

sosial korporat (CSR) dalam bidang pendidikan dan alam sekitar, menerusi program lestari antarabangsa Eco-Schools," katanya dalam satu kenyataan kelmarin.

Anuar berkata, MB Inc menggalakkan semua sekolah di negeri itu menyertai program tersebut untuk memupuk amalan hijau selaras titah ucapan Sultan Perak Sultan Nazrin Shah sebelum ini, bahawa merimbunkan kehijauan seluruh negeri hendaklah menjadi tanggungjawab bersama.

Pada pelancaran yang disempurnakan Menteri Besar Perak Datuk Seri Saarani Mohamad itu, turut diselitkan pengiktirafan tiga rekod Malaysia Book of Records (MBOR) 2022.

Ia adalah penglibatan pelajar dalam acara larian maya terbesar dengan 97,000 pelajar sekolah, anjuran MB Inc, GGAF dan JPN; acara minum minuman probiotik terbesar secara serentak melibatkan 10,000 pelajar, dengan kerjasama Yakult Malaysia dan Jabatan Kesihatan Negeri Perak; dan acara makan salad secara serentak melibatkan 10,000 pelajar, dengan kerjasama Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan Negeri Perak (FAMA). — Bernama



17 OCT, 2022

'Duta hijau' di sekolah Perak mampu kongsi mesej berkaitan alam sekitar

Utusan Borneo Sarawak, Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

IPOH: Sebanyak 50 sekolah di Perak terpilih menyertai program Eco-Schools yang dilaksanakan Perbadanan Menteri Besar (M Inc) Perak, dalam melahirkan 'duta hijau' yang akan berkongsi mesej alam sekitar selain menyemai rasa masyarakat yang bertanggungjawab untuk hidup secara mampan.

Bekalan ikan kurang sehingga 50 peratus

Bukit Gantang: Bekalan ikan di beberapa jeti utama di Kedah dan Perak mengalami kekurangan sehingga 50 peratus berikutan cuaca tidak menentu sejak dua minggu lepas.

Pengerusi Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) Datuk Syed Abu Hussin Hafiz Syed Abdul Fasal berkata pada waktu biasa, daripada 200 kapal yang ke laut, 20 hingga 30 kapal akan mendaratkan ikan.

"Bagaimanapun ekoran cuaca yang tidak menentu ketika ini, hanya antara dua dan tiga kapal sahaja mendarat dengan jumlah bekalan ikan yang sangat sedikit," katanya ketika ditemui pemberita di Pusat Khidmat Ahli Parlimen Bukit Gantang di sini, semalam.

Penyandang kerusi Parlimen Bukit Gantang berkenaan berkata, LKIM akan mengeluarkan beka-



Bagaimanapun ekoran cuaca yang tidak menentu ketika ini, hanya antara dua dan tiga kapal sahaja mendarat dengan jumlah bekalan ikan yang sangat sedikit"

Syed Abu Hussin

lan ikan sejuk beku atau Q-fish bagi menampung permintaan sekali gus mengatasi kekurangan bekalan ikan.

Jabatan Meteorologi (MetMalaysia) baru-baru ini sudah beberapa kali mengeluarkan amaran ribut petir, hujan lebat serta angin kencang yang melibatkan beberapa negeri termasuk melibatkan Kedah dan Perak.

Pencapaian 50 tahun penubuhan jamin kelestarian bekalan makanan negara

Oleh NURHIDAYAH HAIROM
SHAH ALAM

LPP terus atur strategi pembangunan

Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) terus mengorak langkah, memperkukuh fungsi, meluaskan perkhidmatan serta mengatur strategi membantu kerajaan dalam usaha menjamin kelestarian makanan rakyat Malaysia menjelang 50 tahun penubuhannya tahun hadapan.

Pelbagai kejayaan telah dan akan terus dicapai LPP melalui program-program yang dilaksanakan diseluruh negara termasuk melalui penubuhan Pertubuhan Peladang Negeri (PPN) dan Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK).

LPP juga berjaya memainkan peranan sebagai agensi pembangunan kepada masyarakat peladang di luar bandar dengan turut membantu ekonomi pertubuhan agar mampu berdaya saing.

"Menjelang penubuhan LPP 50 tahun, pelbagai kejayaan yang telah dan akan terus dicapai melalui program-program yang dilaksanakan diseluruh negara.

"Di Sabah khususnya, LPP Sabah diwujudkan pada 1 April 1993 dan mula beroperasi sepenuhnya pada 1 Januari 1994 dengan kekuatan bilangan pegawai

LPP seramai 197 orang untuk satu PPN dan 17 PPK.

"Kini, PPK terus berkembang menjadi 26 PPK yang terbentuk daripada 770 unit peladang dan dianggotai seramai 80,184 ahli di seluruh negeri Sabah dengan kekuatan bilangan pegawai LPP seramai 297 orang," jelas LPP dalam satu kenyataan pada Pesta Walet Beluran sempena Sambutan LPP50 di Tapak Tamu Beluran, Sabah yang dirasmikan oleh Menteri Pertanian dan Industri Makanan (MAFI), Datuk Seri Dr Ronald Kiandee pada Sabtu.

LPP menambah, Program Pemerikasaan Usahawan Peladang yang telah meningkatkan ekonomi hampir 300 orang usahawan menjadi antara bukti kejayaan digerakkan agensi itu bagi pembangunan golongan itu di Sabah.

Selain itu, kejayaan juga boleh dilihat menerusi Program Pengukuhan dan Pemodenan Khidmat Mekanisasi dan Automasi Pertanian yang melibatkan perkhidmatan traktor dan jentuai dengan keluasan 14,312.238 hektar tanah pertanian.



Ronald ketika melawat gerai pada majlis perasmian Pusat Proses Sarang Burung Walet PPK Beluran.



Ronald (dua dari kanan) merasmikan Pusat Proses Sarang Burung Walet PPK Beluran sambil disaksikan Ketua Pengarah LPP, Datuk Azulita Salim (dua dari kiri).



Ronald disambut ketika tiba pada majlis berkenaan.

"Lapan PPK berjaya mengekalkan Projek Korporat iaitu projek temakan lembu; tanaman nanas; halia; kelapa kacunan; pisang Sabah; pemrosesan pisang Sabah; sayuran tanah rendah; cili fertigasi; sayuran tanah tinggi; durian Musang King dan fertigasi rock melon.

"Sebanyak 15 Pusat Pengumpulan Hasil Pertanian (PPHP), lima Agro Bazar dan tiga Kiosk Jualan Terus dapat dikekalkan," tambah dalam kenyataan itu lagi.

Industri walet

Dalam pada itu, menurut LPP, PPK Beluran telah melangkah setapak lagi dalam industri walet dengan penglibatan di bidang pemrosesan sarang burung walet apabila Pusat Pengumpulan dan Pemrosesan Hasil Lepas Tuai untuk kilang proses walet dengan nilai peruntukan RM1.4 juta telah mula beroperasi.

Katanya, pusat proses tersebut akan memberi manfaat kepada lebih 800 pengusaha sarang burung walet di daerah Beluran, di samping memberi peluang pekerjaan kepada sekurang-kurangnya 50 orang anak-anak peladang di daerah berkenaan.

"PPK Beluran menjadi pusat pembelian dan penjualan sarang burung walet di daerah Beluran dengan penglibatan 250 pengusaha yang berlanggan dengan PPK.

"Pusat pemrosesan ini telah pun beroperasi sepenuhnya dengan kerjasama Syarikat Nestlin Malaysia Sdn Bhd," katanya.

Dr Ronald turut menegaskan industri sarang burung walet ini merupakan satu industri berpotensi besar yang mempunyai nilai eksport yang ketara.

"Industri ini boleh dijadikan sebagai sumber kekayaan baharu untuk negara dan juga mereka yang terlibat dalam pengusahaan berkenaan.

"Beluran ini juga merupakan pengeluar sarang burung walet yang amat ketara di negeri Sabah," tambah beliau.

Untuk rekod, nilai eksport sarang burung walet Malaysia pada tahun 2021 adalah RM1.8 bilion (kenaikan lebih RM400 juta berbanding tahun 2020) manakala nilai eksport bagi tahun 2022 setakat September 2022 adalah RM1.21 bilion.

Pada majlis sama, turut berlangsung sesi menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) Pemasaran Walet di antara Pertubuhan Peladang Kawasan Beluran dengan Syarikat Nestlin Sdn Bhd.

Jelas LPP, MoU yang bernilai RM20 juta untuk tempoh lima tahun itu bakal memberi tumpuan kepada lima aspek iaitu perkongsian kepakaran, strategi pengurusan, perkongsian infrastruktur, khidmat nasihat dan pemasaran hasil.

Selain itu, turut diadakan penyerahan simbolik cek kepada PPK Beluran (Insentif Jentera dan Peralatan Kecil Pertanian, Program Agripreneur dan Program Peningkatan Aktiviti Akuakultur), SMK Beluran (Program My Green Team), Usahawan AgroPelancongan Peladang dan penyerahan kit MAFI Prihatin.

Kampus



Oleh KHAIRIYAH HANAFI

SEIRING dengan Dasar Agromakanan Negara (DAN) 2.0, Universiti Putra Malaysia (UPM) membangunkan program 3U1i iaitu Sarjana Muda Teknologi Pertanian Pintar di bawah Fakulti Pertanian.

Bagi pengambilan sesi 2022/2023, seramai 20 orang pelajar terpilih untuk menyambung pengajian dalam program tersebut.

Menurut Timbalan Dekan (Akademik & Hal Ehwal Pelajar) Fakulti Pertanian, Prof. Madya Dr. Juwaidah Shariffuddin, program yang julung kalinya dianjurkan itu selari dalam usaha negara memacu sektor pertanian ke arah yang lebih berdaya saing.

"Terdapat keperluan untuk melahirkan tenaga buruh atau pekerja mahir yang menggunakan teknologi diaplikasikan dalam sektor pertanian di Malaysia serta di luar negara.

"Program ini didasarkan untuk melahirkan ahli teknologi pertanian yang berpengetahuan dan kompeten bagi mengendalikan teknologi pertanian pintar yang lestari dan boleh membangun serta mengurus pengeluaran pertanian berasaskan sistem pertanian pintar.

"Selain itu juga, ia mengamalkan peningkatan ilmu pengetahuan melalui pembelajaran berterusan dalam bidang pertanian pintar selaras perkembangan semasa sektor pertanian selain mampu menyampaikan ilmu pengetahuan kepada komuniti teknologi berkaitan sistem pertanian pintar," katanya.

Tambah Juwaidah lagi, program yang ditawarkan secara sepenuh masa selama empat tahun itu dikendalikan dalam dua mod iaitu mod kerja kursus dan mod Industri (3U1i) seperti bekerja di Ladang Guthrie.

Sementara itu, bagi mod Industri pula, pelajar akan berada di universiti selama tiga tahun dan satu tahun di Industri.

Terpilih untuk melanjutkan pengajian



ALBERT merupakan salah seorang pelajar yang mengikuti jurusan (Jazah Sarjana Muda Teknologi Pertanian Pintar di UPM pada masa ini.

Teknologi Pertanian Pintar jurusan terkini di UPM

dalam jurusan Teknologi Pertanian Pintar, bagi pelajar dari Sarawak, Albert Brassington Anak Gurkha, 21, peluang tersebut dilihat sebagai platform yang boleh membantunya memahami dengan lebih mendalam berkenaan teknologi pertanian.

"Jurusan pertanian sangat diminati oleh saya kerana ahli keluarga mencari rezeki dalam bidang ini. Bahkan, ia sudah

menjadi darah daging sejak kecil lagi.

"Menerusi bidang pengajian ini saya lihat banyak peluang pekerjaan dan masa depan yang cerah.

"Lebih-lebih lagi saya memang berminat untuk belajar dengan lebih mendalam lagi di dalam bidang teknologi pertanian pintar ini," katanya kepada K2.

Bercerita lanjut kata Albert lagi, dia mengetahui mengenai jurusan tersebut daripada keluarganya sendiri. Sebaik membuat kajian mengenai jurusan tersebut di laman web rasmi UPM, dia menjadi semakin tertarik untuk melanjutkan pengajian dalam jurusan tersebut.

"Saya memang minat untuk bertani kerana bagi saya, bertani ini boleh membantu mengubah hidup kita menjadi lebih baik dan sihat. Pengalaman bertani pertama saya ialah semasa saya menjalani latihan Industri di Shri. Yang Agriculture Miri.

"Di sana, saya dapat menerapkan teori-teori yang telah saya pelajari sewaktu pengajian diploma dahulu. Saya juga mempunyai pengalaman mengendalikan kelulut yang diusahakan oleh bapa dan saya.

"Perkara inilah yang membuatkan saya semakin berminat untuk bertani," ujarnya.

Kongsi Albert lagi, dia berharap dengan ilmu yang diperolehi sepanjang empat tahun pengajian itu membolehkan dirinya membantu



JUWAIDAH

negara dalam bidang pertanian.

"Saya melihat jurusan ini mampu melahirkan pakar-pakar teknologi pertanian yang boleh membantu negara kita menjadi lebih maju dalam bidang pertanian dan mampu bersaing dengan negara-negara lain.

"Selepas tamat pengajian nanti saya merancang untuk mengubah cara masyarakat kita bertani supaya hasil pertanian yang diarah lebih banyak dan berkualiti.

"Saya juga memasam impian untuk mencipta teknologi pertanian yang boleh membantu sektor pertanian negara kita," jelasnya.



USAHA UPM memperkenalkan Jurusan Teknologi Pertanian Pintar dilihat seiring dengan Dasar Agromakanan Negara 2.0 (DAN 2.0).

Oleh MOHD. SHAZWAN YUSOP

SEBAGAI sebuah kolej kebangsaan di universiti yang sinonim dengan pertanian, Kolej Sultan Aladdin Suleiman Shah (Kosass), Universiti Putra Malaysia (UPM) telah mengambil inisiatif menjalankan Projek Gempur Tani (PGT).

Projek bermula pertengahan tahun lalu itu diwujudkan seiring dengan inspirasi pihak pengurusan UPM bagi menggalakkan pertanian pintar dalam kolej menerusi penglibatan para mahasiswa.

Projek pertanian tersebut juga diharapkan dapat membantu menyerahkan lagi potensi terpendam mahasiswa seiring dengan program kolej, Pembangunan Bella Postif @ Kosass.

Pengetua Kosass, Prof. Madya Dr. Mohd. Mursyid Arshad berkata, PGT merupakan sebuah projek yang sejajar dengan matlamat universiti dalam memperkasa UPM sebagai Pusat Kecemerlangan Pertanian.

"Projek ini diharapkan mampu membantu melahirkan mahasiswa yang mempunyai ilmu asas pertanian sekali gus dapat memberi manfaat kepada negara pada masa akan datang.

"Pada masa sama, mahasiswa dapat meningkatkan potensi diri mereka dari aspek daya tahan, karakter dan menghapus rasa malu terlibat dalam sektor pertanian.

"Kebanyakan pelajar yang terlibat dalam projek ini bukan daripada bidang pertanian sahaja, malah merangkumi jurusan lain. Mereka ini melibatkan diri kerana minat mendalam terhadap pertanian," katanya ketika ditemu bual iGen baru-baru ini.

Menurut Mohd. Mursyid, projek berkenaan bermula dengan modal permulaan RM500 hasil sumbangan pihak kolej bagi membeli anak benih pokok, baja serta membuat saliran air.

Jelasnya lagi, pihaknya memulakan PGT dengan penanaman sayuran seperti kangkung, sawi, bayam brazil, serai, ubi kayu dan bendi, sebelum diikuti kacang tanah dan cili pada fasa kedua tanaman.

"Kami telah berjaya memanfaatkan tanah seluas 30 meter persegi di sekitar kolej bagi menjalankan projek ini. Kami

Projek Gempur Tani kikis rasa malu siswa bertani



PROJEK Gempur Tani (PGT) diusahakan di atas tanah seluas 30 meter persegi di Kolej Sultan Aladdin Suleiman Shah, UPM.

bermula dengan tanaman sayuran, sebelum beralih kepada kacang tanah dan cili kerana hasilnya lebih lumayan.

"Modal permulaan kami sangat rendah kerana dibantu oleh felo-felo yang mempunyai kemahiran dalam bidang pertanian. Penghuni kolej juga sentiasa bersedia menabur bakti bagi memastikan kejayaan projek ini," ujarnya.

Menariknya, Kosass berjaya meraih pendapatan mencecah lebih RM10,000 hasil jualan produk pertanian di Pusat Pertanian Putra menerusi Putra Mart serta komuniti kampus.

Sementara itu, Ketua PGT, Ong Khai Heo berkata, aktiviti tersebut dapat menghasilkan serta memperkukuh kumpulan tenaga kerja yang terlatih dan mahir dalam bidang pertanian.

Jelasnya, seramai 93 penghuni Kosass terlibat secara sukarela dalam PGT bermula daripada proses semaian anak benih, membaja sehingga tualan serta jualan.

Dia menambah, bermula dengan



MOHD. MURSYID (tengah) menunjukkan kyarat bagus terhadap usaha projek PGT yang dilaksanakan penghuni kolej.

kurang 10 orang, jumlah sukarelawan semakin bertambah selepas hasil tanaman pusingan pertama berjaya membuah hasil lumayan.

"Inisiatif bagi mengadakan aktiviti pertanian di kolej ini telah memberikan impak yang sangat memberangsangkan kepada mahasiswa

terutama dalam aspek ilmu pertanian moden serta keusahawanan.

"Pada peringkat awal dahulu, jumlah mahasiswa yang terlibat tidak ramai, tetapi kini, jumlahnya hampir mencecah 100 orang. Kami harap dapat menambah lebih ramai sukarelawan pada semester baharu nanti," katanya.



INISIATIF tersebut memberikan impak yang sangat memberangsangkan kepada mahasiswa terutama dalam aspek ilmu pertanian moden dan keusahawanan.



PELBAGAI tanaman diusahakan para mahasiswa di kolej tersebut termasuk terbaharu, tanaman cili.